

ISU DAN MASALAH DALAM PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

*Aliff Nawi, Noraini Abu Samah, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof, Mohamad

Khairi Othman, Mardzelah Makhsin, Fatin Athirah Zameran

Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia

*aliffnawi@yahoo.com

ABSTRACT

Based on the National Education Philosophy, the management of Islamic Education in Malaysia has exceeded 30 years of implementation. During this period, various changes have been made in line with the demands of knowledge, skills, good moral values, responsibility, and the ability to achieve personal well-being, as well as contributing to the harmony and prosperity of the family, society, and the nation. To achieve this effort, Islamic Education has played a significant role in shaping society to face the challenges of the 4.0 era. Therefore, this study aims to revisit the issues and problems in the management and implementation of Islamic Education in Malaysia. This study was conducted qualitatively through content analysis using the PRISMA method. A total of 83 studies were identified from the Malaysian Citation Index database. Further examination of these articles has resulted in seven main themes of issues and problems in the management and implementation of Islamic Education, namely, teaching profession, access to education, student achievement, high-performance leadership, value inculcation, ICT utilization, and parent-community-private sector collaboration. All these themes further generated 27 sub-themes. Several suggestions are also presented, such as the need for more in-depth studies, considering specific study samples, and obtaining input from various expert parties to address the various issues and problems that arise in the management and implementation of Islamic Education in Malaysia.

Keywords: Issues, Problems, Management, Implementation, Islamic Education, Malaysia

PENGENALAN

Perlaksanaan pelajaran pendidikan Islam di Malaysia sebelum merdeka menggunakan sistem pendidikan yang tidak formal yang mana ia telah bermula sejak Islam mula bertapak di Melaka sekitar abad ke 14 lagi. Namun tidak ada peruntukan undang-undang yang khusus yang mewajibkan pendidikan Islam diajar kepada semua anak-anak beragama Islam. Pada tahun 1957, Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan dan ini merupakan titik permulaan perhatian diberikan kepada Pendidikan Islam yang mana kerajaan telah menguatkuasakan satu akta berdasarkan laporan Rahman Talib. Di dalam akta tersebut, pendidikan agama Islam kepada murid-murid agama Islam adalah diwajibkan di setiap sekolah yang mana murid-murid beragama Islam berjumlah 15 orang atau lebih (Mat Diah, 1989).

Apabila Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, perkembangan pendidikan Islam terus rancak berlaku. Ini dapat dilihat dengan perubahan-perubahan yang berlaku dan perundangan dan syor kerajaan dalam perkara yang berkaitan. Di dalam syor penyata Abdul Rahman Talib 1960, perkara berkaitan dengan perbelanjaan bagi pendidikan Islam ditanggung sepenuhnya oleh Kementerian Pelajaran. Sedangkan di dalam ordinan pelajaran 1957 tidak menetapkan kuasa pihak yang menguruskan tentang perbelanjaan melaksanakan pelajaran agama Islam menyebabkan perlaksanaan pelajaran agama Islam tidak berjalan dengan sistematik (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1972).

Berdasarkan Syor Abdul Rahman Talib 1960, Akta Pelajaran 1961 telah mewajibkan mata pelajaran diajar untuk dua jam seminggu kepada murid-murid Islam sekiranya di sekolah tersebut terdapat seramai 15 orang murid Islam atau lebih. Pelajaran Pendidikan Islam telah dikuatkuasakan pada tahun 1962 dan telah dikuatkuasakan dalam jadual waktu pelajaran biasa kepada murid-murid yang beragama Islam. Peruntukan bagi Pelajaran Pendidikan Islam pada masa tersebut adalah sebanyak 120 minit seminggu (Mohd Salleh, 2004). Dengan penguatkuasaan akta ini, murid-murid telah mendapat jaminan untuk mendapatkan Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah selama sebelas tahun. Ini ditambah lagi dengan pelantikan guru-guru agama bagi mengajar matapelajaran tersebut. Sebelum Pelajaran Pendidikan Islam dilaksanakan, sukanan pelajaran perlulah dipersetujui dan diluluskan oleh Majlis Raja-Raja terlebih dahulu. Ini kerana sukanan pelajaran ini di bawah Yang Di Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja. Sukanan yang pertama bagi Pelajaran Pendidikan Islam telah disusun dan digubal pada tahun 1959. Sukanan ini telah digunakan dari tahun 1962 sehingga tahun 1967 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1972).

Selepas itu sukanan ini sekali lagi telah disusun semula oleh sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada Kementerian Pelajaran Malaysia, Kolej Islam dan Sekolah-sekolah Agama Negeri. Sukanan ini telah dilaksanakan mulai awal sesi persekolahan pada tahun 1968 setelah mendapat kelulusan Majlis Raja-Raja. Sukanan bagi sekolah rendah mengandungi beberapa perbezaan sesuai dengan tahap umur murid-murid iaitu akidah, ibadah, sirah, akhlak dan al-quran. Manakala bagi sukanan sekolah menengah mengandungi perkara-perkara mustahak bagi seorang yang akhil baligh seperti feqah, tauhid, sirah, al-Quran dan hadis. Namun tidak semua aspek dalam kehidupan dapat dimuatkan pada peringkat ini memandangkan masa yang diperuntukkan kepada pelajaran ini adalah terhad dan bebanan matapelajaran yang lain yang mesti dihadapi oleh murid-murid.

Mata pelajaran Pendidikan Islam menekankan kepada asuhan membaca al-Quran dan asas pelajaran Agama Islam yang meliputi akidah, ibadah, sirah, dan menitikberatkan dari segi akhlak di dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982). Ia diperkemaskan lagi dengan memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah rendah pada tahun bagi menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997). Mata pelajaran pendidikan Islam ditambah satu lagi bidang iaitu bidang asas akhlak Islam. Ini menjadikan matapelajaran pendidikan Islam mempunyai tiga bidang iaitu asuhan al-Quran, asas syariah Islam dan asas akhlak Islam.

Halatuju Pengurusan dan Pelaksanaan Sistem Pendidikan Islam Abad Ke-21

Pada awal abad ke-21, beberapa perubahan dan perkembangan dalam sistem pendidikan Malaysia telah berlaku disebabkan oleh cabaran yang dihadapi akibat kesan globalisasi, liberalisasi, dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Cabaran negara Malaysia waktu ini adalah untuk membangunkan ekonomi berdasarkan pengetahuan atau K-ekonomi bagi menghadapi persaingan dengan negara lain. Ini menuntut negara Malaysia membangunkan sumber tenaga manusia yang berketerampilan tinggi dalam pelbagai bidang dan berdaya saing.

Kurikulum Pendidikan Islam pula mengalami perubahan beberapa kali dan perubahan yang terakhir iaitu semasa penyemakan semula Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang dilaksanakan pada tahun 2003. Ini kemudian diikuti dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Bertepatan dengan perkembangan jaringan informasi dalam era globalisasi, Kementerian Pelajaran Malaysia cuba menyesuaikan keperluan kepada perkembangan semasa dengan membawa kurikulum baru untuk sekolah rendah iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Tambahan pula, jika merujuk kepada matlamat umum pelaksanaan, KSSR adalah satu transformasi pendidikan, iaitu proses melakukan satu bentuk perubahan yang holistik kepada kurikulum persekolahan sedia ada yang melibatkan perubahan bentuk, organisasi, kandungan, pedagogi, peruntukan masa, kaedah pentaksiran, bahan dan pengurusan kurikulum di sekolah (Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM).

Sejak tahun 2004, sistem pendidikan Malaysia diterajui oleh dua kementerian iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang bertanggungjawab dalam pentadbiran dan pengurusan sistem pendidikan kebangsaan di peringkat rendah dan menengah iaitu di peringkat sekolah yang meliputi pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pendidikan lepasan menengah; dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang bertanggungjawab ke atas pendidikan peringkat tertiari iaitu pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Dalam menentukan hala tuju sistem pendidikan, KPM telah menggubal misi pendidikan sebagai fokus yang ingin dicapai dalam mengangkat martabat Malaysia dalam dunia global.

Transformasi kurikulum KSSR di sekolah umpamanya digubal berasaskan dua standard utama, iaitu pertama: Standard Kandungan yang merujuk kepada penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Kedua: Standard Pembelajaran yang merupakan satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Jadi, adalah diharapkan pelaksanaan KSSR ini dapat membaharui kurikulum sedia ada dan memastikan ianya relevan dengan keperluan pendidikan semasa. Ia adalah penting dalam melahirkan warganegara global yang dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Secara ringkasnya, perkembangan dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia sejak tahun 1960 hingga tahun 2011 dapat diperhatikan menerusi jadual berikut:

Jadual 1

Perubahan Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia

Tahun	Populasi
1960	Bermula secara formal (Mata pelajaran agama Islam dimasukkan dalam jadual waktu sekolah)
1974	Jawatankuasa mengkaji mata pelajaran Pendidikan Islam (mata pelajaran agama Islam bertukar kepada Pendidikan Islam)
1979	Laporan Kabinet mengkaji Dasar Pelajaran
1982	Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)
1988	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)

1994	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR)
2004	KBSR (Semakan) dan Kurikulum j-QAF
2011	Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)
2017	Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)


Sememangnya kurikulum pendidikan perlu bersifat dinamik dan tiada kurikulum yang berkekalan. Ia sentiasa disemak dan mengalami perubahan mengikut perkembangan semasa dan keperluan masyarakat. Hal ini bertujuan untuk kekal relevan dengan keperluan semasa dan memberi penerapan dalam aspek pengetahuan dan kemahiran secara optimum kepada pelajar semasa berada di alam persekolahan. Perubahan ini turut diperlukan agar menyiapkan para pelajar untuk bersedia untuk berhadapan dengan pelbagai ketidaktentuan pada masa hadapan.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti isu dan masalah dalam pengurusan dan pelaksanaan Pendidikan Islam di Malaysia. Segala isu dan masalah dalam Pendidikan Islam di peringkat rendah dan menengah sehingga di institusi pengajian tinggi akan diambil kira. Manakala tempoh penelitian ini akan melihat dalam jangka masa sepanjang 10 tahun iaitu dari 2010 hingga 2019.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah PRISMA (Preferred Reporting Items Systematic Reviews and Meta-Analysis). Kaedah PRISMA adalah satu garis panduan sorotan karya yang berkualiti kerana mempunyai langkah dan proses yang amat terperinci. PRISMA mempunyai kelebihan dalam mendapatkan sumber data yang berkualiti. Ianya diakui oleh ramai penyelidik secara keseluruhan dan dapat menerangkan had kajian yang dipandu oleh kata kunci sekaligus membantu pengkaji menjimatkan masa untuk mendapatkan sorotan karya yang mencukupi (Okoli, 2015). Empat proses yang perlu dilalui bagi mengesan karya-karya literatur yang tepat adalah pertama proses pengenalpastian (identification), kedua saringan (screening), ketiga kelayakan (eligibility) dan akhir sekali rangkuman (inclusion) (Gilath & Karantzolas, 2019).

Rajah 1
Proses PRISMA



Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pengkalan data jurnal MyCite. MyCite merupakan pengkalan data utama yang mengindekskan kesemua jurnal tempatan yang berada di Malaysia. Langkah pertama adalah dengan mengenalpasti kata kunci yang digunakan dalam proses pencarian. Merujuk kepada kajian-kajian lepas dan menggunakan kamus thesaurus, kata kunci yang menggunakan perkataan yang sama dan berkaitan dengan “pengurusan Pendidikan Islam” dan “Isu dalam Pendidikan Islam”. Langkah kedua pula adalah dengan memilih hanya artikel jurnal dan mengasingkan artikel penilaian, prosiding persidangan dan buku yang tidak termasuk dalam kriteria pemilihan. Pada langkah ini, sebanyak 310 artikel jurnal telah dipaparkan.

Pada langkah ketiga, bagi mengelakkan kekeliruan berlaku dan kesukaran dalam penterjemahan, pencarian dikecualikan bagi penerbitan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja. Selain itu, tempoh masa penerbitan artikel yang dipilih adalah selama 10 tahun (antara tahun 2010 sehingga 2019), yang mana ianya merupakan satu jangka masa yang cukup untuk melihat perubahan yang berlaku dalam bidang kajian dan penerbitan yang berkaitan.

Selepas proses saringan dilaksanakan, sebanyak 45 artikel dikeluarkan kerana diluar konteks Malaysia. Manakala 165 artikel pula turut tidak berkaitan kerana tidak membincangkan isu atau masalah dalam Pendidikan Islam. Selain itu, 17 artikel juga tidak dimasukkan kerana tidak mempunyai akses artikel yang penuh. Oleh itu, hanya 83 artikel yang layak digunakan dalam analisis sistematis ini.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis menggunakan metod PRISMA, terdapat 79 artikel yang telah dikenalpasti. Setelah dianalisis, terdapat tujuh tema utama isu dan permasalahan dalam penyelidikan Pendidikan Islam di Malaysia. Antaranya ialah melibatkan profesion perguruan ($n=50$), akses kepada pendidikan ($n=26$), keberhasilan murid ($n=14$), kepimpinan berprestasi tinggi (Guru Besar, Pengetua, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia) ($n=14$), penghayatan nilai ($n=13$), pemanfaatan penggunaan ICT ($n=6$) dan kerjasama ibubapa, komuniti dan sektor swasta ($n=3$).

Profesion Perguruan

Profesion perguruan merupakan tema isu yang paling besar dalam isu dan masalah pengurusan dan pelaksanaan Pendidikan Islam. Antara isu melibatkan beban tugas, elauan guru yang tidak mencukupi, persediaan pengajaran yang lemah, kurangnya latihan diberikan, kurang kemahiran pedagogi, penekanan terhadap peperiksaan, pengurusan bilik darjah yang lemah, pengurusan pelajar yang tidak efisyen dan pelaksanaan pengajaran yang kurang memuaskan. Huraian berikutnya merupakan dapatan dari kajian lepas yang telah dianalisis.

Isu yang pertama merupakan isu beban tugas. Isu ini ditekankan dalam kajian Zetty, Ab Halim dan Siti (2018) dan Zuraimy, Azizi dan Nor Jaafar (2016). Beban tugas yang berlebihan ini dikhawatir memberikan pengaruh negatif terhadap organisasi dan komitmen sebagai seorang guru. Bahkan, Tengku Sarina Aini, Tengku Kasim dan Fatimah Sahida (2018) mendapati bahawa terdapat sebilangan guru yang menghadapi stress akibat tekanan beban tugas yang diberikan kepada mereka. Terdapat juga guru yang menghadapi tekanan akibat dari elauan yang tidak sepadan (Ruzaimah, Azman & Hilmi, 2017). Senario makin parah akibat dari kos sara hidup yang semakin meningkat dan keadaan ekonomi semasa di dalam negara.

Dari segi ilmu pengetahuan atau kesedayaan mengajar amat penting dalam memberi pendidikan kepada pelajar. Kajian lepas mendapati bahawa terdapat guru yang kurang berpengetahuan dalam perlaksanaan pengajaran. Hal ini kerana disebabkan oleh kurangnya pemahaman dalam konsep pengintegrasian ilmu dalam Islam (Ahmad Munawar & Kamal, 2015) dan lemahnya dalam penguasaan tulisan jawi (Norhazliana et al., 2010). Isu mengenai lemahnya dalam kefahaman dan pengetahuan yang hampir sama turut dibincangkan dalam kajian Mohd Syaubari (2018), Shaharuddin et al (2017), Mohd Syukri dan Faisal (2018), Rahimah et al (2018), Norakyairee dan Nurutthoilah (2017), Latifah (2017), Sabariah, Saiful dan Fakhrul (2014) dan Siti Suhaila et al (2016).

Selain itu, latihan untuk menjadi seorang guru amatlah diperlukan bagi menjadikan seseorang itu mampu menjadi guru yang terbaik dalam mendidik generasi kini. Namun, masih terdapat isu dan masalah seperti kurangnya keyakinan diri ketika mengajar di dalam bilik darjah (Abdullah et al., 2017; Norhazliana et al., 2010). Isu ini lebih jelas terpapar terutama sekali guru pelatih yang mana memerlukan latihan berterusan bagi meningkatkan keyakinan diri dan kualiti pengajaran.

Dari aspek pedagogi pula, guru Pendidikan Islam gemar menggunakan teknik tradisional dalam mengajar antaranya menggunakan teknik pengajaran berpusatkan guru semata dan jarang menggunakan kepelbagaiannya kaedah dalam pengajaran termasuklah penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pemudahcaraan (Siti Nur Aisyah, Sugumarie & Ahmad Zabidi, 2016; Farah Nur & Maslida, 2015). Kesan pengajaran yang kurang menarik akan menyebabkan murid kurang, tidak dapat memberikan tumpuan dan mudah berasa bosan untuk belajar (Saidah et al, 2015). Hal ini dikhawatir mewujudkan ruang kepada pelajar untuk melakukan tindakan disruptif seperti membuat bising dan mengganggu pelajar lain. Guru turut mengalami kurang persediaan dan kurang terlatih dalam memberi penerangan dalam mengajar elemen pendidikan seks di sekolah (Art 281). Zetty Nurzuliana, Ab Halim dan Ahmad Tarmizi (2011) pula telah mendapati bahawa guru telah memberi penekanan yang terlalu banyak kepada aspek akademik dan peperiksaan sehingga mengabaikan aspek penting yang lain.

Selain aspek pedagogi, pengurusan bilik darjah juga perlu dikuasai oleh guru terutamanya guru Pendidikan Islam. Kajian oleh Nawi dan Ramlan (2014) mendapati bahawa guru pelatih Pendidikan Islam masih lemah dalam melaksanakan strategi dan pendekatan dalam pengajaran. Guru Pendidikan Islam juga kurang memiliki kemahiran dan latihan dalam mendidik anak istimewa (Norakyairee & Nurutthoilah, 2017). Selain itu, kajian oleh Khairulhelmi et al. (2017) mendapati bahawa terdapat guru yang sering melabel pelajar yang melakukan kesalahan. Ini disebabkan oleh lemahnya kemahiran mengajar dan kurangnya kemahiran berkomunikasi dengan baik. Pada masa yang sama, peruntukan waktu mengajar yang terbatas juga turut menyukarkan guru dalam melatih diri untuk mempelbagaikan strategi dan pendekatan seperti perlaksanaan aktiviti amali solat (Fathiyah et al., 2013).

Di samping itu juga, kualiti amalan pengajaran guru masih berada pada ditahap yang rendah. Kualiti amalan pengajaran guru ini masih tidak berjaya untuk mencapai hasrat yang telah termaktub dalam Falsafah Pendidikan (Naquiah & Jimain, 2015). Guru juga didapati kurang memahami dengan baik kaedah penerapan dan penghayatan nilai yang telah digariskan dalam dokumen kurikulum yang disediakan (Sofiah, Kamarul Azmi & Muhammad Azhar, 2016).

Akses Kepada Pendidikan

Akses kepada pendidikan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah keterhadan akses yang melibatkan pelbagai sumber dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Antara isu dalam bahagian ini ialah masalah dalam penyediaan buku teks, kekurangan bahan bantu mengajar, isu penyediaan garis panduan sukatan kurikulum, tiada panduan dalam melaksanakan pengajaran dan kekangan infrastruktur atau prasarana.

Antara isu atau permasalahan yang terdapat dalam sumber rujukan ialah seperti kewujudan sebuah hadis palsu dalam buku teks Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (Norhasnira, Kauthar & Siti Nur ‘Ain, 2015). Ketidakseragaman dalam teks Iqra’ Braille dengan teks Al-Quran Braille turut menyukarkan guru dalam membuat rujukan (Mohd Nur Adzam et al., 2017). Ketiadaaan mata pelajaran Astronomi Islam yang khusus untuk dipelajari turut menyukarkan guru dan terpaksa diterapkan dalam subjek lain secara tidak tersusun (Aizan, Nur Nabilah & Siti Hajar, 2016). Selain itu, kandungan dalam bahagian sirah didakwa amat terhad yang membantutkan pembentukan identiti remaja muslim baik (Aizan & Murni, 2017). Model dan modul pelaksanaan j-QAF juga gagal diikuti oleh sesetengah pelajar (Daud, Wan Mohd Khairul Firdaus & Mahadi, 2014).

Di samping itu juga, kekurangan bahan bantu mengajar turut termasuk dalam bahagian ini. Guru mengalami kekurangan bahan bantu mengajar bagi subjek Jawi (Norhazliana et al., 2010), Jawi Braille untuk golongan kurang upaya (Latifah, 2017), Al-Quran Braille (Norakyairee et al., 2013) dan guru bukan opsyen bidang (Mohd Izzuddin et al., 2016). Bahkan, bahan bantu mengajar dalam Pendidikan Islam yang berunsurkan ICT merupakan bahan yang paling sukar untuk didapati Wan Ismail et al., 2016; Wan Ismail et al., 2018). Begitu juga dengan penggunaan aplikasi mudah alih seperti e-Quran adalah menarik dan membantu dalam pembelajaran, namun kurang berkesan kepada murid yang masih lemah tahap membacaan (Ahmad Johari, Khairiah & Khairil Azwar, 2017).

Dalam sukatan kurikulum pula, kajian Zetty Nurzuliana, Ab Halim dan Siti Suhaila (2018) dan Siti Farhana dan Tengku Intan Zarina (2016) menyatakan bahawa sukatan yang disediakan amat padat dan adab Islam pula dikatakan terlalu banyak dan tidak mampu dipelajari oleh golongan kurang upaya. Selain itu, kurikulum sekolah pondok perlu dilakukan semakan kerana dikhuatiri tidak selari dengan kurikulum yang digunakan oleh institusi luar agar kekal relevan (Jasni Sulong, 2015). Terdapat juga kajian tentang guru yang kurang memahami nilai yang ingin diterapkan dalam kurikulum oleh pihak kementerian (Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailani, 2016). Oleh sebab

itu, Ibrahim Hashim dan Misnan Jemali (2017) mencadangkan agar reformasi dilakukan dalam penggubalan kurikulum, pedagogi dan peranan sekolah Islam di Malaysia.

Isu yang terakhir dalam kekangan akses pendidikan dalam pendidikan Islam turut melibatkan kekurangan dalam aspek prasarana. Ketidaaan bilik-bilik khas seperti surau dan makmal komputer bagi kegunaan dalam Pendidikan Islam kurang diberi perhatian oleh pihak sekolah (Mohamad Khairi Hj Othman & Mohd Nazer Ishak, 2017). Isu kedaifan prasarana ini lebih parah apabila berkaitan dengan prasarana di Sekolah Agama Rakyat (SAR) seperti bangunan sekolah yang sering menjadi masalah apabila hendak didaftarkan (Nor Raudah Hj Siren et al. 2018). Hal ini sekali gus menyukarkan pihak sekolah dan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Kepimpinan dan Pentadbiran

Subtema dibawah tema kepimpinan dan pentadbiran meliputi pengurusan pentadbiran yang lemah, kekangan masa jadual waktu dan ketidakcukupan elaun guru. Di dalam tema ini, isu dan masalah yang berkaitan aspek pengurusan pentadbiran melibatkan tentang isu-isu yang dihadapi dalam pengurusan pentadbiran di sekolah. Isu yang pertama adalah pengurusan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) yang tidak sistematik yang mana melibatkan penyeliaan kelas yang tidak tersusun, pertembungan aktiviti sekolah, ketidaaan rekod kehadiran, elaun guru tidak mencukupi, masalah pengajaran dan disiplin murid (Ruzaimah Zainol Abidin, Azman Md Zain & Mohd Hilmi Hamzah, 2017). Terdapat kajian turut mendapati bahawa pengurusan dan pencapaian Pendidikan Agama Islam (PAI) tidak dibentangkan dalam mesyuarat sepertimana yang ditetapkan (Mohamad Khairi Hj Othman & Mohd Nazer Ishak, 2017).

Begitu juga halnya berkaitan dengan ketidakcukupan peruntukan elaun guru. Antara permasalahan yang timbul dalam pelaksanaan KAFA ialah peruntukan elaun guru yang amat rendah sehingga tidak dapat menampung kos sara hidup yang semakin meningkat (Ruzaimah Zainol Abidin, Azman Md Zain & Mohd Hilmi Hamzah, 2017). Selain itu, aspek peruntukan waktu pengajaran turut diberi perhatian dalam banyak kajian lepas. Peruntukan masa pengajaran yang terhad sehingga menyebabkan pengajaran tidak dapat dilakukan secara menyeluruh seharusnya diberi perhatian oleh pihak pentadbir terutamanya diperingkat kementerian (Zetty Nurzuliana Rashed, Ab. Halim Tamuri & Siti Suhaila Ihwani (2018), Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim (2018), Noor Hafizah Mohd Haridi & Fakhrul Adabi Abd. Kadir, (2015), Fathiyah Mohd Fakhruddin, et al. (2013). Bahkan, kajian oleh Fathiyah Mohd Fakhruddin et al. (2013) mendapati bahawa guru gagal melaksanakan amali solat disebabkan kekangan masa yang amat singkat.

Penghayatan Nilai

Antara tematema kecil dibawah tema penghayatan nilai adalah lemahnya dalam melaksanakan amalan Islam, akhlak pelajar tidak memuaskan, serta kualiti dan personaliti pelajar yang kurang memberansangkan. Di dalam kajian Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin (2015) dan Muhammad Faizal A. Ghani et al. (2017), perbezaan jantina memberikan tahap signifikan yang tinggi dalam mengamalkan sahsiah yang baik. Perkara ini seharusnya tidak berlaku kerana kewajipan dalam melaksanakan amalan Islam dituntut kepada lelaki dan perempuan.

Selain itu, terdapat juga pelajar yang tidak menjaga kepentingan menutup aurat semasa melakukan aktiviti di sekolah (Muhamad Zahiri Awang Mat, Zariah Zakaria Zabariah Ahmad, Siti Salwa Md. Sawari, 2017). Menurut Arifin Mamat, Muhamad Zahiri Awang Mat, Nik Ahmad Hisham Ismail (2014), guru dikatakan tidak menjaga akhlak dan tutur kata ketika mengajar dan tidak dapat menerapkan nilai-nilai murni terhadap pelajar namun disanggah oleh kajian daripada Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri, (2015) yang mengatakan bahawa guru Pendidikan Islam tiada kaitan dalam keruntuhan akidah dan sosial pelajar. Hal ini kerana perkembangan akhlak pelajar dapat dipengaruhi oleh pelbagai faktor (Muhammad Faizal A. Ghani, et al. 2017). Oleh sebab itu, kajian oleh Muhammad Faizal A. Ghani, et

al. (2017) mengutarakan peranan surau sekolah adalah penting dan mempunyai hubungan yang tinggi terhadap peningkatan sahsiah pelajar.

Subtema personaliti pula menunjukkan bahawa guru dan ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menjadi contoh teladan yang baik kepada murid (Muhammad Faizal A. Ghani, et al. 2017) dan mereka perlu mempunyai sikap yang positif serta cuba memperbaiki sikap-sikap negatif yang ada (Arifin Mamat, Muhamad Zahiri Awang Mat, Nik Ahmad Hisham Ismail, 2014). Selain itu, faktor emosi pelajar khususnya pelajar perempuan juga perlu diambil kira bagi memastikan mereka mudah memahami pelajaran (Nurul Asiah Fasehah Muhamad, et al. 2017). Oleh itu, keperluan dalam mengkaji cara didikan ulama terdahulu amat penting untuk diserap dalam sistem pendidikan kini dalam usaha melahirkan lebih ramai ilmuwan agung seperti zaman silam (Sakinah Salleh & Rahimah Embong, 2017).

Pemanfaatan Penggunaan ICT

Subtema kemahiran ICT diletakkan dibawah tema utama pemanfaatan penggunaan ICT yang mana telah menyenaraikan beberapa isu dalam ICT. Kajian Art Naquiah Nahar dan Jimain Safar (2016) dan Siti Nur Aisyah Sugumarie Abdullah & Ahmad Zabidi Abdul Razak (2016) telah mendapat bahawa guru-guru Pendidikan Islam kurang kemahiran dalam menggunakan kelengkapan yang melibatkan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Selain itu, kekurangan kelengkapan ICT disekolah menyebabkan kekurangan motivasi dalam diri guru-guru untuk menggunakan pendekatan berdasarkan ICT di sekolah (Wan Ismail Wan Abdullah et al., 2016; Wan Ismail Wan Abdullah, 2018).

Penggunaan aplikasi mudah alih juga berpotensi besar untuk digunakan dalam Pendidikan Islam, namun guru turut pelbagai kekangan dalam menggunakan teknologi sebagai alat bantu mengajar (Aliff Nawi, Mohd Isa Hamzah & Surina Akmal Abd Sattai, 2014). Hasil kajian dalam Ahmad Johari Sihes, Khairiah Razali dan Khairil Azwar Razali (2017) telah menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi e-Quran telah berjaya meningkatkan pencapaian dalam pembelajaran tajwid. Dapatkan turut mendedahkan bahawa penggunaan aplikasi e-Quran adalah lebih menarik berbanding penggunaan Al-Quran bercetak. Namun, terdapat kekangan yang dihadapi bagi murid yang masih membaca Iqra' 3 yang mana mereka gagal membaca ayat-ayat Al-Quran yang lebih panjang. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat kekangan dalam menggunakan pelbagai perisian dan aplikasi terutamanya pelajar yang kurang berkemahiran dalam membaca al-Quran.

Sokongan Masyarakat

Tema sokongan masyarakat merupakan jaringan kerjasama antara pihak sekolah dengan ibubapa, komuniti dan sektor swasta. Kajian Norhaziana Mohd Hasan Abdullah, Saedah Siraj, Zaharah Hussin dan Norlidah Alias (2010) mendapat bahawa sebarang program atau aktiviti yang dilaksanakan di masjid perlu mendapat sokongan dan penglibatan oleh masyarakat sekeliling. Perkara ini amat penting bagi memastikan masyarakat menyedari bahawa pelajar memerlukan sokongan dalam melaksanakan aktiviti keagamaan.

Selain itu, kajian Norakyairee Mohd Raus & Nurutthoilah Ahmad Nabil (2017) mendapat bahawa kurangnya penglibatan oleh sektor badan bukan kerajaan dan institusi keagamaan terhadap golongan istimewa (Norakyairee Mohd Raus & Nurutthoilah Ahmad Nabil, 2017) yang seharusnya tidak dipandang ringan dan memerlukan tindakan segera bagi menyalurkan bantuan yang selayaknya kepada golongan istimewa ini. Hal ini kerana golongan istimewa lebih memerlukan bantuan dan sokongan dari masyarakat.

PERBINCANGAN

Isu pertama yang akan dibincangkan dalam bab ini adalah isu berkenaan beban kerja yang dihadapi oleh para guru. Isu ini dianggap penting kerana tugas hakiki yang perlu dijalankan oleh guru adalah mengajar,

namun guru-guru juga perlu melaksanakan pelbagai tugas lain yang melibatkan pentadbiran, kurikulum dan sebagainya. Zetty Nurzuliana, Ab Halim dan Siti Suhaila (2018) menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam diberikan tugas yang membebankan mereka dan mengakibatkan masalah dalam mengintegrasikan sains dan Al-Quran dalam pengajaran Pendidikan Islam. Manakala Zuraimy, Azizi dan Nor Jaafar (2016) menyatakan bahawa beban tugas yang berlebihan ini dikhuatiri memberikan pengaruh negatif terhadap organisasi dan komitmen sebagai seorang guru bahkan, Tengku Sarina Aini, Tengku Kasim dan Fatimah Sahida (2018) juga telah mendapat bahawa terdapat sebilangan guru yang menghadapi stress akibat tekanan beban tugas yang diberikan kepada mereka. Tekanan yang berlebihan yang dihadapi oleh para guru ini secara tidak langsung akan menyebabkan para pendidik tidak dapat fokus terhadap tugas asal mereka iaitu mengajar.

Bekas Menteri Pendidikan iaitu Dr Maszlee Malik pernah mengeluarkan senarai lima inisiatif dalam mengurangkan beban tugas guru. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah: 1) memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi; 2) pengurusan dan data dan system online; 3) sekolah dibenarkan menguruskan sendiri pelaksanaan Literasi & Numerasi (LINUS); 4) penyeragaman borang dan proses pemantauan; dan 5) penyelarasan penubuhan jawatankuasa di peringkat sekolah (Sinar Harian, 2019). Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) juga memberikan pendapat bahawa pentadbir perlu memainkan peranan dalam mengurangkan beban tugas guru di sekolah (Berita Harian, 2019).

Isu yang kedua dan dianggap penting adalah berkenaan persediaan pengajaran. Guru sepertimana yang disarankan perlu membuat rancangan pengajaran terlebih dahulu sebelum masuk mengajar di bilik darjah termasuklah memiliki pengetahuan dalam bidang yang akan diajar juga termasuk dalam persediaan pengajaran. Menurut kajian lepas yang dijalankan oleh Shaharuddin et al (2017), guru Pendidikan Islam masih berada ditahap yang sederhana dalam menguasai Rasm Uthmani dan sangat perlu kepada peningkatan bagi memberi pengajaran yang lebih baik kepada pelajar.

Selain itu, dalam kajian oleh Mohd Syukri dan Faisal (2018), didapati juga guru Pendidikan Islam di Pasir Gudang, Johor mempunyai tahap pemahaman berkenaan hadis-hadis fadilat berada di tahap sederhana tinggi sama juga seperti tahap pengamalan mereka secara keseluruhannya juga berada pada tahap sederhana tinggi. Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2018) menyatakan tema utama dalam membantu pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) adalah faktor pengetahuan, kemahiran dan persediaan guru. Faktor-faktor ini penting dalam menepati ciri-ciri pengajaran dan pembelajaran yang berpaksikan KBAT. Persediaan guru jelas penting dalam melakukan PDP yang berkesan kepada pelajar. Kajian oleh Zulkifly et al. (2021) mendapat bahawa guru yang mengamalkan perancangan pengajaran menghasilkan suasana dan proses pembelajaran yang lebih baik apabila konstruk perancangan pengajaran berada pada tahap yang tinggi dari segi nilai min, varians dan sisihan piawai.

Kajian-kajian lepas yang disebutkan diatas membuktikan bahawa aspek persediaan mengajar amat penting kepada guru-guru untuk diamalkan terutamanya kepada guru-guru Pendidikan Islam bagi memastikan keseluruhan proses pdpc berjalan dengan lancar dan berkesan. Sebagai cadangan, pihak pentadbir sekolah perlu memastikan guru-guru membuat persediaan pengajaran sebelum mengajar dengan menghantar rancangan pengajaran harian kepada pengetua atau guru besar seminggu sebelum menjalankan pengajaran. Isu seterusnya yang akan dibincangkan adalah isu berkenaan kekurangan alat bantu mengajar (ABM) dan BBM dan guru tiada panduan dalam mengajar juga dinyatakan dalam jurnal yang ditulis oleh Azman et al. (2020) iaitu berkenaan kurikulum Pendidikan Islam yang sedia ada kini hanya fokus kepada pelajar normal dan tidak sesuai digunakan oleh pelajar orang kurang upaya (OKU).

Masalah lain seperti kurang guru agama yang cekap berbahasa isyarat juga diketengahkan oleh penulis. Pembinaan model kurikulum Pendidikan Islam bagi OKU merangkumi bidang ibadat, muamalat, munakahat dan jenayah perlu dilaksanakan bagi mengatasi isu ini kerana pelajar OKU juga berhak mendapatkan akses pendidikan yang sesuai dengan kekurangan yang dimiliki. Isu ini telah dinyatakan dalam dapatan kajian pada bab yang lepas dibawah tema akses kepada pendidikan.

Kajian oleh Rabiatuladawiyah dan Mohd Nizam (2020) juga menyokong bahawa antara isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru yang mengajar murid berkeperluan khas adalah kekurangan BBM. Cadangan yang dapat diberikan bagi mengatasi masalah ini adalah dengan menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi membina modul atau kurikulum khas bagi murid berkeperluan khas atau pelajar OKU ini bagi memudahkan mereka menerima pembelajaran seperti pelajar normal yang lain. Justeru itu, Norakyairee dan Nurutthoilah (2017) berpendapat dalam pemilihan model dan membangunkan kurikulum bagi murid berkeperluan khas, aspek seperti objektif dan kandungan kurikulum, aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta proses penilaian perlu diteliti.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pihak kerajaan telah menyasarkan lima aspirasi sistem dan enam ciri murid yang bakal dicapai dalam tempoh 13 tahun di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Proses ini bermula sejak tahun 2013 sehingga tahun 2025. Ini merupakan manifestasi transformasi kerajaan yang menyeluruh daripada murid pra sekolah hingga ke pusat pengajian tinggi. Bagaimanapun, keberkesanan pengurusan dan pelaksanaan dalam Pendidikan Islam masih boleh ditingkatkan secara menyeluruh. Ini bagi memastikan pengurusan dan pelaksanaan Pendidikan Islam dapat diurus dan dilaksanakan dengan baik, seimbang, berkesan dan berterusan.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai sebahagian oleh Geran Padanan (Matching Grant) antara Universiti Utara Malaysia (UUM) & Universitas Muhammadiyah Prof. Dr. Hamka (UHAMKA) berkod SO 21373. Idea asal kajian hasil dari perbincangan bersama dengan Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Haji Don, Ab. Halim Tamuri, Supyan Hussin, Mohd Aderi Che Noh, Ahmad Irdha Mokhtar & Zulkefli Aini (2015). Penilaian Terhadap Keberkesanan Perlaksanaan Kursus dan Latihan yang Ditawarkan oleh Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS). *Sains Humanika*. 6(1): 1-8.
- Ahmad Johari Sihes, Khairiah Razali & Khairil Azwar Razali (2017). The Effectiveness e-Quran in Improving Tajweed Learning Among Standard Three Pupils in Primary Schools. *Sains Humanika*. 9(1-3): 57-62.
- Aizan Ali @ Mat Zin (2017). Isu dan Cabaran Pendidikan Remaja Muslim di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*. 12(2): 41-49.
- Aliff Nawi, Mohd Isa Hamzah & Surina Akmal Abd Sattai (2014). Potensi Penggunaan Aplikasi Mudah Alih. *The Online Journal of Islamic Education*. 2(2): 26-35.
- Amin Senin (2018). Melangkah ke Hadapan: Gerak kerja dan Fokus Tumpuan KPPM 2018. Firdaus Press Sdn Bhd. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Arifin Mamat, Muhamad Zahiri Awang Mat, Nik Ahmad Hisham Ismail (2014), Sikap Guru-guru Agama Sekolah Rendah Agama Terhadap Profesional Perguruan: Satu Kajian di Sekolah-sekolah Jabatan Agama Islam Selangor. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 20, 187-205.
- Azlin Norhaini Mansor & Zabidah Muhammad (2018). Strategi Kepimpinan Menangani Murid Berisiko Tercicir: Kajian Kes. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. 31(1): 81-99.
- Azman Ab Rahman, Mohamad Anwar Zakaria, Muhd Faiz Abd Shakor, Nurul Shazwani Nordin & Nur Ain Syafiqah Rahmat (2020). Sorotan Literatur Kajian Kurikulum Pendidikan Islam Pelajar OKU di Malaysia. Diskusi Syariah dan Undang-Undang: Siri 1/2020.
- Bahagian Pendidikan Guru (2009). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib, Ab. Halim Tamuri & Ahmad Tarmizi Talib (2011). Masjid Menjana Pembentukan Belia Rabbani. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 127-142.

- Berita Harian Online (2019). Pentadbir boleh kurangkan beban guru. 18 Januari 2019. Dilayari daripada <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2019/01/521486/pentadbir-boleh-kurangkan-beban-guru>
- Fairul Asmaini Mohd Pilus (2015). Akses Pendidikan untuk Semua. Mymetro. Dilayari daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/10/85858/akses-pendidikan-untuk-semua>.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi, Azimi Hamzah, & Lukman Abd. Mutualib, (2013). Pemahaman Dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan Dalam Pengajaran. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 1-16.
- Fauziah Ja'apar (2017). Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian. *UTHM Institutional Repository*. 1-48.
- Flick, U. (2015). *Introducing Research Methodology*. SAGE Publications. Second Edition.
- Ibrahim Hashim dan Misnan Jemali (2017). Key Aspects of Current Educational Reforms in Islamic Educational Schools. *GJAT*. 7(1): 49-57.
- Jasni Sulong (2015). Pondok Education in Seberang Perai: Its Evolution and Uniqueness. *Kajian Malaysia*. 33(2) :75–90.
- Julian@Juliana George Jette & Mohd Izham Mohd Hamzah (2020). Hubungan Kemenjadian Murid dalam Proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (pdpc) Guru: Penilaian Pentadbir Sekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(1): 171-179.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2004). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. Malaysia.
- Khurul Aimmatal Ummah, Ahmad Riyadi & Sri Herianingrum (2018). Pola Implementasi Alokasi Ziswaf dalam Penyediaan Akses Pendidikan Bagi Kaum Dhuafa. *Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam (JEBI)*. 3(2): 247-257.
- Latifah Abdul Majid (2017). Methods of Teaching and Learning of Jawi Braille to Visually Impaired Students in Special Education Religious Schools. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. 3(2): 59-67.
- Lukman Hakim bin Mohamad Amin, Muhamad Redha bin Abdul Hafiz, Muhamad Nazirul Asyraf bin Kamarulzalis, Abdul Hadi bin Ibrahim, Nursyuhada binti Mohd Taib, Nur Haziqah binti Ramlan & Mohd Razimi bin Husin (2019). Masalah Kecelaruan Tingkah Laku: Masalah Ponteng Sekolah. *International Journal of Humanities, Management and Social Sciences*. 2(1): 51-64.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah (2017). Tahap Pengetahuan dan Kesediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*. 1(1): 1-13.
- Mohamad Khairi Hj Othman & Mohd Nazer Ishak (2017). Tinjauan Pelaksanaan Pengurusan Pendidikan Agama Islam di Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Kota Setar. *The Online Journal of Islamic Education*. 5(1): 12-19.
- Mohamed Abdullahi Gure (2019). A Study of Parents' and Teachers' Perceptions of Parent Involvement in Primary Schools in Mogadishu. Thesis of Doctor od Philisophy in Education. Universiti Sains Islam Malaysia. El Imtiyaz.
- Mohd Heikal Misran & Noor Azizah Jakaria (2019). Hubungan Penghayatan Nilai Ihsan dengan Prestasi Kerja Pensyarah di Kolej Universiti Islam Melaka. *Jurnal Maw'izah*. 23-30.
- Mohd Huzairi Awang@Husain, Hajarul Bahti Zakaria & Rahimin Affandi Abd Rahim (2012). Pendidikan Islam Golongan Masalah Pendengaran: Tinjauan Awal Isu dan Cabaran daripada Perspektif Guru. *Jurnal Teknologi*. 58:135-139.
- Mohd Khusyaire Marzuki, Mohd Muhiden Abd Rahman & Affendi Ismail (2019). Pembentukan Sahsiah Pelajar Muslim dan Hubungannya dengan Pelaksanaan Amalan Solat: Kajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Kelantan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 20(1): 1-18.
- Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman (2011). Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal At-Ta'dib*. 6(1): 59-78.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim (2016). Keberkesanan Permulaan Pengajaran Menerusi Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di dalam Mata Pelajaran

- Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak. *Online Journal of Islamic Education*. 4(2): 23-35.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim (2018). Pengajaran yang Menyumbang kepada Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*. 2(1):1-15.
- Mohd Syukri Mohd Senin & Faisal Ahmad Shah (2018). Hadith-Hadith Masyhur Berkaitan Al-Fadhl: Kajian Kefahaman dan Pengamalannya dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam di Pasir Gudang, Johor. *Jurnal Usuluddin*. 46(2). 27-65.
- Mokmin Basri (2012). Bab 4: Kaedah Kajian. *Research Gate*. 105-134.
- Mohd Aizat Abu Hassan & Kamarudin Musa (2020). Tahap Profesionalisme Guru Sekolah Kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *Management Research Journal*. 9(2): 37-45.
- Mohd Zaki bin Mahmud & Husin bin Junoh (2017). Kesedaran Akhlak Pelajar Melalui Pembelajaran Pendidikan Islam. *Online Journal for TVET Practitioners*. 2(1):1-10.
- M. Saiyid Mahadhir (2019). Pendidikan Islam Menurut Al-Ghazali. *Jurnal Tarbiyah Islamiyah*. 4(1): 73-86.
- Muhammad Apendy Issahak. Jenayah dalam Kalangan Pelajar Masih Membimbangkan. Berita Harian Online 11 November 2019. Dilayari daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/11/627250/jenayah-dalam-kalangan-pelajar-masih-membimbangkan>.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Norfariza Mohd Radzi, Husaina Banu Khanayatullah, Saedah Siraj, Zuraidah Abdullah, Norfariza Mohd Radzi, Faisol Elham, Maszuria A. Ghani, & Amalina Ayub, (2017). Masalah Disiplin Murid Islam: Strategi Dan Penyelesaian Terhadap Kurikulum Pendidikan Islam. *Jurnal Hadhari*, 9(1), 91-110.
- Muhamad Zahiri Awang Mat, Zariah Zakaria Zabariah Ahmad & Siti Salwa Md. Sawari, (2017). Kaedah Meningkatkan Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 2, 1-8.
- Naquiah Nahar & Jimain Safar (2016). Amalan Pengajaran Jawi dalam Pendidikan Masa Kini: Satu Tinjauan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. 2(2): 70-85.
- Noor Hafizah Mohd Haridi & Fakhrul Adabi Abd. Kadir, (2015). Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Malaysia: Analisis Persepsi Pelatih Terhadap Pelaksanaan. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(1), 87-100.
- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri, (2015). Perbezaan Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Berdasarkan Jantina, Lokasi Sekolah Dan Kekerapan Menyertai Latihan Dalam Perkhidmatan. *The Online Journal of Islamic Education*, 3(2), 1-13.
- Noradilah Abdul Wahab, Mohd Sani Ismail, Nor Asmawati Ismail, Norliana Abd Majid, Raihan Mohd Ariffin & Wan Ilmiwati Wan Adnan (2020). Hubungan Antara Kefahaman Pelajar Tentang IR 4.0 dengan Penggunaan ICT dalam Pembelajaran. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 21(1): 193-204.
- Norakyairee Mohd Raus & Nurutthoilah Ahmad Nabil (2017). Model dan Kurikulum Pendidikan Al-Quran Holistik Bagi OKU. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. 1-15.
- Norhazliana Mohd Hasan Abdullah, Saedah Siraj, Zaharah Hussin & Norlidah Alias, (2010). *Isu Kritikal Penggunaan Tulisan Jawi Dalam Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Peringkat Sekolah Menengah: Pandangan Pakar*.
- Nor Hayati Fatmi Talib, Nur Azmah Mohamad Saleh dan Nursuriati Mohd Badli (2017). Pengaruh Lingkungan Sosial Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar Politeknik Banting, Selangor dan Kolej Komuniti Kuala Langat, Malaysia. *Sosial Budaya*. 14(2): 119-128.
- Nor Raudah Hj Siren, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Siti Jamiaah Abdul Jalil & Azrin Ab Majid (2018). Kepelbagai Pengurusan Sekolah Agama Rakyat di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*. 13(1): 45-56.
- Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Nurul Hidayatulkolbi, Noornajihan Jaafar, Norzulaili Mohd Ghazali, Noor Azma Mohamad Khassim, Zulhilmi Mohamed Nor, & Hishomudin Ahmad (2017).

- Communication via Explanation Approach for Female Students: A Study on Rasulullah's SAW. Practices with Special Reference to the Selected Hadiths in Sahih Al-Bukhari. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(1), 90-99.
- Rabiatuladawiyah Saleh & Mohd Nizam Saad (2020). Sorotan Literatur Sistematis Isu dan Cabaran Pengajaran Al-Quran Murid Berkeperluan Khas. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 3(2): 199-211.
- Rahimah Embong (2020). Perkembangan Pendidikan Islam Di Nusantara: Malaysia Dan Indonesia. *Tamaddun Jurnal Pendidikan Dan Pemikiran Keagamaan*. 21(1): 135-144.
- Rahma Fitria Purwaningsih & Atika Muliyandari (2021). Profesionalisme Guru dalam Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*. 1(1): 61-71.
- Rahmat Hidayat & H. Candra Wijaya (2017). *Ayat-Ayat Al-Quran Tentang Manajemen Pendidikan Islam*. Lembaga Peduli Pengembangan Pendidikan Indonesia. Medan, Indonesia.
- Raudlatul Jannah (2017). Upaya Meningkatkan Keberhasilan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Madrosatuna: Journal of Islamic Elementary School*. 1(1): 47-58.
- Rudi Ahmad Suryadi (2018). *Ilmu Pendidikan Islam*. Deepublish. Yogyakarta, Indonesia. Edisi 1. Cetakan Pertama.
- Ruzaimah Zainol Abidin, Azman Md Zain & Mohd Hilmi Hamzah (2017). Permasalahan Dalam Perlaksanaan Program Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (Kafa) Di Daerah Pendang Kedah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. 2(6): 70 - 82.
- Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohammad Fuad Ishak, Shazarina Zdainal Abidin, Suziana Hanini Sulaiman & Mujaini Tarimin (2018). Konsep Penerapan Dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). *Research Gate*. 1-14.
- Shaharuddin Pangilun, Mohd Mahfuz Jaafar, Rohana Zakaria, Hayati Hussin & Abdul Rahim Ahmad (2017). Penguasaan Metode Rasm Uthmani di Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Agama Integrasi di Selangor. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 4(1):64-79.
- Shanti Ramalingam, Mahendran Maniam & Gunasegaran Karuppanan (2019). Penglibatan Ibu Bapa dalam Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Tamil di Selangor. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*. 3(3): 308-323.
- Sakinah Salleh & Rahimah Embong, (2017). Pemikiran Pendidikan Ibnu Sina. *Jurnal Pengembangan Ilmu Keislaman*, 8(2), 279-300.
- Sinar Harian Online (2019). Lima inisiatif kurangkan beban guru. 14 Januari 2019. Dilayari daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/7435/BERITA/Nasional/Lima-inisiatif-kurangkan-beban-guru>
- Siti Lathifatus Sun'iyah (2020). Sinergi Peran Guru dan Orang Tua dalam Mewujudkan Keberhasilan Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Tingkat Pendidikan Dasar di Era Pandemi Covid-19. *Dar El Ilmi: Jurnal Studi Keagamaan, Pendidikan dan Humaniora*. 7(2): 1-16.
- Siti Nur Aisyah Sugumarie Abdullah & Ahmad Zabidi Abdul Razak (2016). Hubungan Dasar Latihan Dalam Perkhidmatan dengan Peningkatan Profesionalisme Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Daerah Petaling Utama. *The Online Journal of Islamic Education*. 4(1): 17-27.
- Siti Rashidah Abd Razak, Haslina Hamzah & Zetty Nurzuliana Rashed (2016). Cabaran Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukan Akhlak Pelajar. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Special Issue 3: 100-110.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailani (2016). Elements of Delivering Islamic Education through Islamic Morality in Several Malaysian Schools. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*. 24 (4): 1267 – 1277.
- Statistik Jenayah Malaysia, (2019). Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Sufean Hussin. (2004). *Pendidikan di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Syafiqah Solehah & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2017). Peranan Guru Pendidikan Islam dan Pembinaan Sahsiah Pelajar: Satu Tinjauan Awal Terhadap Guru Pendidikan Islam di Daerah Marang, Terengganu. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*. Special Issue. 2: 36-53.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fatimah Sahida Abdurajak (2018). Pengalaman Pengajaran Guru Novis Pendidikan Islam: Implikasi terhadap Rekabentuk Kurikulum Latihan Pendidikan Guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 43(1): 59-66.
- Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin, (2015). Kajian Kes Perbezaan Jantina Dalam Pembentukan Sahsiah Muslim Pelajar. *Academia Journal UiTMT*, 4(1), 22-29.
- Wan Ismail Wan Abdullah, Nur Ilyiani Kamaruzaman, Abdul Hakim Abdullah, Abdulsoma Thoarlim, Razi Yaakob, Daud Ismail dan Hamdan Aziz (2016). Information and Communication Technology in Teaching and Learning Among Islamic Education Teachers: *The Roles*. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*. 2(2): 22–30.
- Wan Ismail Wan Abdullah, Nur Ilyiani Kamaruzaman, Mohd Rahim Ariffin, Ab Aziz Sulaiman, Mustafa Che Omar & Abdul Hakim Abdullah, (2018). Regression of Acceptance and Use of Information and Communication Technology in The Teaching and Learning of Islamic Education Teachers. *Jurnal Paradigma*, 18, 102-111.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusof & Abdul Fattah Shaharudin (2012). Pendidikan Menurut Al-Quran dan Sunnah Serta Peranannya dalam Memperkasakan Tamadun Ummah. *Jurnal Hadhari Special Edition*. 7-22.
- Zetty Nurzuliana Rashed, Ab. Halim Tamuri & Siti Suhaila Ihwani (2018). Cabaran Guru Pendidikan Islam Mengintegrasikan Ilmu Sains dan Al-Quran dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*. 6(2): 27-41.
- Zuraimy Ali, Azizi Abu Bakar & Mohd Nor Jaafar (2016). Tekanan Kerja serta Hubungannya dengan Komitmen Guru Pendidikan Islam terhadap Organisasi. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*. 2(2): 69-79.
- Zulkifly Md Alwayi, Rahimah Embong & Huda Afiqah Hashim (2021). Perancangan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (pdpc): Satu Kajian Rintis. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*. 3(1): 11-18.